

Israel takut kekejaman terbongkar

UM 24 MAY 2005

MELAKA 23 Mei — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Israel sengaja menghalang beliau daripada memasuki Baitulmaqdis dan bandar Jenin di Tebing Barat kerana tidak mahu menampakkan kekejaman dan kezaliman mereka terhadap penduduk di kawasan itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, adalah mustahil mereka tidak mengetahui mengenai kunjungan beliau ke kawasan itu.

Katanya, ini disebabkan perkara tersebut telah dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan dua minggu sebelum lawatannya ke Tebing Barat.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2005 di sini hari ini.

Beliau berkata: "Amat menyedihkan... saya dah bagi tahu nak pergi dua minggu lebih dah, dia (Israel) tahu saya nak pergi.

"Bila saya sampai ke sempadan, di situ pegawai Israel proses saya punya dokumen sampai dua jam setengah, macam-macam dia buat supaya saya lambat, bila lambat saya tak boleh pergi Jenin kerana saya mesti balik pukul 6 petang kerana pintu masuk di sempadan ditutup.

"Saya fikir ikut mana pun boleh pergi ke Baitulmaqdis tetapi dalam perjalanan saya dari sempadan hingga ke Ramallah tiba-tiba dapat panggilan memberitahu saya tak boleh ke situ kononnya kerana masalah keselamatan, jadi saya dapat pergi ke Ramallah sahaja."

Dr. Mahathir menceritakan pengalamannya dihalang oleh Israel daripada masuk ke Baitulmaqdis sewaktu mengadakan lawatan ke Tebing Barat pada 16 Mei lalu.

Sambil menyatakan rasa sedihnya berhubung kejadian itu, Dr. Mahathir berkata, pihak berkuasa Israel menggunakan pelbagai cara untuk menghalang beliau memasuki kawasan berkenaan termasuk dengan sengaja melengah-lengahkan pemeriksaan dokumennya di sempadan bandar itu.

Tindakan mereka yang cuba melambat-lambatkan perjalanannya itu jelas Dr. Mahathir, menyebabkan beliau hanya sempat melawat Ramallah sedangkan jadual asalnya adalah untuk mengunjungi bandar Jenin dan Baitulmaqdis serta bersembahyang di Masjid Al-Aqsa.

Mengulas lanjut katanya, kunjungannya ke bandar Jenin adalah atas jemputan Datuk Bandar Majlis Perbandaran Jenin yang mahu beliau mengetuai usaha untuk pembangunan semula bandar yang mundur itu.

"Dia (Israel) tak mahu saya tengok Jenin.

Sebab masa dia roboh Jenin, dia guna jentolak untuk merobohkan rumah yang masih ada orang di dalamnya. Tiada perasaan kemanusiaan langsung, cukup ganas.

"Mereka sombong, buat penempatan di merata tempat, buat pagar hingga 30 kaki tinggi bukan untuk sekat Israel dari Palestin tapi buat dalam Palestin sehingga terpisah keluarga Palestin.

"Dulu penduduk Palestin dalam satu kampung tetapi sekarang terpisah oleh pagar itu, tanah kosong diambil sampai orang Palestin tak ada tempat hendak duduk, bukan ada..."